

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]
TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)
SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad meminta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan senarai ahli-ahli Lembaga KADA dan KESEDAR sekarang. Kenapa tidak dilantik di kalangan wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Akta 69, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972, ahli-ahli Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) hendaklah diwakili oleh tiga (3) orang wakil negeri. Senarai keanggotaan ahli Lembaga KADA adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Datuk Hj. Md.Alwi bin Hj.Che Ahmad	ADUN Kok Lanas (Pengerusi)
2.	Tuan Haji Mohd. Rais bin Mohd. Ariffin	Pengurus Besar KADA (Timbalan Pengerusi)
3.	Dato' Haji Mat Rahim bin Ismail	Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan (Ahli)
4.	Tuan Haji Amran bin Alias	Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Ahli)
5.	Pn. Nor Azizati bte Hamzah	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan Malaysia (Ahli)

Bil.	Nama	Jawatan
6.	Dato' Ahmad bin Ishak	Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (Ahli)
7.	YM. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Mohamad Al Mashor	<i>Regional Manager</i> AGROBANK Terengganu/Kelantan (Ahli)
8.	Datuk Haji. Rosmadi bin Ismail	Ahli Perniagaan (Ahli)
9.	YB. Datuk Noor Zahidi bin Omar	ADUN Pengkalan Kubor (Ahli)
10.	YB. Tuan Zawawi bin Othman	ADUN Semerak (Ahli)
11.	Dato' Haji. Hanafi bin Mamat	Bekas ADUN Pengkalan Pasir, Pasir Mas, Kelantan (Ahli)

Wakil Kerajaan Negeri dalam Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) pula adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Akta 203) 1978. Keanggotaan Lembaga KESEDAR hendaklah terdiri daripada tiga (3) wakil Kerajaan Negeri dan telah berkuat kuasa mulai 1 April 2014. Senarai keanggotaan tersebut adalah:-

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Haji Mohd Faudzi bin Haji Che Mat	Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
2.	YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi	Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Bioteknologi dan Teknologi Hijau Negeri Kelantan
3.	YM Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean bin Tengku Feissal	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 21

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana penguatkuasaan undang-undang pemakaian cermin gelap kenderaan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991, ketelusan cahaya (*Visible Light Transmittance* - VLT) yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- (a) bagi cermin hadapan (*windscreen*), kadar VLT adalah tidak kurang daripada 70%; dan
- (b) bagi cermin sisi pemandu dan penumpang serta cermin belakang, kadar VLT adalah tidak kurang daripada 50%.

Mana-mana kenderaan yang didapati tidak mematuhi peraturan di atas, pemilik kenderaan akan diberi Notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1) dan diberi tempoh selama 10 hari untuk menukar cermin atau menanggalkan plastik hitam. Jika pemilik gagal berbuat demikian, notis saman akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan di atas kesalahan tersebut. Berdasarkan kepada perangkaan penguatkuasaan, bilangan kes yang dikesan dan diambil tindakan pada tahun 2013 adalah sebanyak 76,802 kes berbanding 51,431 kes pada tahun 2012 dengan peningkatan sebanyak 33%. Sehingga April 2014 pula, bilangan kes yang dikesan adalah sebanyak 35,764.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan satu Bengkel Kajian Semula Peraturan Penggunaan Cermin Gelap Bagi Kenderaan pada 2 dan 3 Jun yang lepas sebagai suatu langkah *engagement*. Bengkel ini melibatkan pelbagai pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi Kerajaan, pemain industri, badan bukan Kerajaan serta ahli akademik. Secara amnya, hasil rumusan bengkel adalah berikut:

- (i) mengekalkan kadar VLT bagi cermin hadapan pada tahap 70% dan cermin sisi pemandu pada tahap 50% sepertimana sedia ada; dan
- (ii) meminda peraturan sedia ada berhubung kadar VLT bagi cermin sisi penumpang sebelah belakang dan belakang kenderaan daripada 50% kepada 30% (dengan *tolerance rate* 5%); dan
- (iii) penyeragaman/penyelarasan aktiviti penguatkuasaan oleh agensi-agensi penguatkuasa mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan termasuk *tolerance rate* terhadap bacaan kadar VLT sebanyak 5%; dan
- (iv) pengeluaran sijil jaminan atau dokumen pengesahan kepada pengguna oleh premis aksesori kenderaan bagi memastikan kadar ketelusan cahaya terhadap cermin yang dipasang dengan filem penapisan haba adalah menepati kadar VLT yang dibenarkan bagi melindungi kepentingan pengguna.

Hasil rumusan bengkel ini yang menyentuh dari aspek peraturan sedia ada, penguatkuasaan dan kepenggunaan akan diangkat kepada perhatian Kerajaan untuk pertimbangan.